

# Keluarga remaja hidap sakit misteri perlu dibantu

**M**EMBACA kisah sedih adik Azri Azmi, seorang remaja lelaki berusia 15 tahun yang terpaksa dikurung dalam kandang berpagar di rumahnya selepas menghidap sejenis penyakit misteri sejak 12 tahun lalu, menusuk hati saya.

Kisah Azri juga membuatkan saya terfikir bagaimana keluarganya terpaksa melalui pelbagai dugaan dalam menjaganya. Kisah duka keluarga ini memerlukan perhatian dan bantuan orang ramai.

Membantu orang dalam kesusahan adalah satu sifat mulia. Nilai positif pada setiap lapisan masyarakat mesti dipupuk dan diamalkan dengan penyediaan nilai positif ini akan mempercepatkan lagi pembentukan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan berjaya.

Dugaan kehidupan yang terpaksa dilalui keluarga Azri dalam membesarkannya ditempuh dengan penuh sabar. Sesukar mana pun liku kehidupan yang perlu dilalui oleh keluarga Azri, atas rasa kasih sayang, mereka menganggapnya sebagai satu ujian kehidupan yang mesti dilakukan dengan reda di samping melakukan pelbagai usaha. Anak adalah

amanah dari Allah dan setiap insan perlu menjaga amanah ini dengan betul dan cermat supaya ia tidak mendatangkan sebarang mudarat.

Buktinya, keluarga Azri akan memastikan Azri tidak akan membahayakan dirinya walaupun ada kalanya terpaksa mengurungnya dalam kandang berpagar. Untuk memastikan Azri tidak melakukan perkara membahayakan dirinya, Azri akan diikat pinggangnya dengan tali yang dipaku pada dinding rumah untuk menjamin keselamatannya jika keluarga Azri ada bersama-samanya.

Mungkin ada yang menganggap mengurung Azri di dalam kandang berpagar adalah satu tindakan kurang wajar. Tetapi bapa Azri menjelaskan sikap terlalu agresif Azri sehingga menyebabkan pergerakannya sukar dikawal selain gemar memasukkan semua benda yang dipegangnya ke dalam mulut termasuk, tanah dan batu membuatkan Azri dikurung.

Kisah sedih keluarga ini memerlukan perhatian dari masyarakat negara ini yang masih banyak lagi tersemat nilai murni seperti sikap suka membantu, bekerjasama, mengeratkan kasih sayang antara lainnya.

Mungkin bantuan dalam bentuk kewangan boleh dihulurkan kepada keluarga ini dalam mengurangkan masalah pendapatan mereka.

Difahamkan, keluarga ini memperoleh RM80 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Tentu jumlah ini tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan menjaga Azri. Apatah lagi pendapatan tidak menentu keluarga Azri menyebabkan sukar untuk menampung kos sara hidup Azri dan ahli keluarga lain.

Selain itu, kaedah terbaik dalam merawat Azri mungkin boleh difikirkan oleh pihak tertentu supaya Azri dapat menjalankan kehidupan dengan keadaan yang lebih selesa. Mungkin pakar perubatan boleh mengenal pasti penyakit Azri dan memberi rawatan yang sewajarnya.

Sama-samalah kita menjadi masyarakat prihatin terhadap nasib golongan kurang bernasib baik melalui bantuan yang mampu kita lakukan dari pelbagai aspek yang boleh.

**DR SAPORA SIPON,**  
*Universiti Sains Islam Malaysia*  
*(USIM)*  
*Nilai, Negeri Sembilan.*